

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepc.com



PEMERKASAAN HAK WANITA DALAM PERKAHWINAN DI MALAYSIA: PERSPEKTIF PEGUAM SYARIE & PENGAMAL KAUNSELING KELUARGA

*EMPOWERMENT OF WOMEN'S RIGHTS IN MARRIAGE IN MALAYSIA:
PERSPECTIVE OF SYARIAH LAWYERS AND FAMILY COUNSELING
PRACTITIONERS*

Nur Azmina Paslan¹

¹ Jabatan Pengajian Pendidikan dan Sains Tingkah Laku, Fakulti Pendidikan Sains dan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.
Email: nur.azmina@utm.my
* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.10.2024
Revised date: 26.11.2024
Accepted date: 15.12.2024
Published date: 19.12.2024

To cite this document:

Paslan, N. A. (2024). Pemeriksaan Hak Wanita Dalam Perkahwinan di Malaysia: Perspektif Peguam Syarie & Pengamal Kaunseling Keluarga. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 403-428.

DOI: 10.35631/IJEP.956026

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Perundangan Islam memberikan hak yang jelas kepada wanita Islam dalam konteks perkahwinan dan keluarga. Kajian ini bertujuan meneliti hak-hak wanita sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, merangkumi hak sebelum perkahwinan, semasa dalam perkahwinan, dan selepas perceraian. Peningkatan kes perceraian yang disebabkan oleh faktor kewangan, komunikasi, dan konflik rumah tangga turut memberikan tekanan besar kepada wanita. Kekurangan kesedaran mengenai hak-hak mereka juga menjadi halangan utama dalam mendapatkan keadilan yang sewajarnya. Pendekatan kajian ini melibatkan analisis dokumen perundangan dan kajian perpustakaan dari perspektif Peguam Syarie dan pengamal kaunseling keluarga. Hasil kajian merumuskan bahawa terdapat kaitan yang erat antara elemen perundangan syariah dan pendekatan kaunseling dalam menyelesaikan konflik keluarga serta memperkasakan hak wanita. Pendekatan kaunseling sebagai medium penyelesaian konflik dapat membantu mengimbangi pelaksanaan undang-undang dalam kes-kes yang melibatkan keganasan rumah tangga dan perceraian. Kajian ini menyimpulkan bahawa pemeriksaan hak wanita dalam perkahwinan dan keluarga memerlukan kerjasama erat antara institusi dan pengamal undang-undang dan pengamal kaunseling keluarga, di samping meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak-hak wanita dalam perkahwinan.

Kata Kunci:

Kaunseling Keluarga, Keganasan, Perkahwinan, Pencerian dan Perundangan

Abstract:

Islamic law provides clear rights to Muslim women in the context of marriage and family. This study aims to examine women's rights as enshrined in the Islamic Family Law Enactment, encompassing rights before marriage, during marriage, and after divorce. The rise in divorce cases caused by financial issues, communication breakdowns, and domestic conflicts places significant pressure on women. A lack of awareness about their rights is also a major barrier to achieving proper justice. This study adopts a research approach involving the analysis of legal documents and a review of library materials from the perspective of Shariah lawyers and family counselling practitioners. The findings highlight a strong connection between elements of Shariah law and counselling approaches in resolving family conflicts and empowering women's rights. Counselling approaches, as a medium for conflict resolution, can help balance the implementation of laws in cases involving domestic violence and divorce. The study concludes that empowering women's rights in marriage and family requires close collaboration between institutions, legal practitioners, and family counselling practitioners, alongside raising public awareness about women's rights in marriage.

Keywords:

Family Counselling, Violence, Marriage, Divorce, and Legislation

Pengenalan

Di Malaysia, hak-hak wanita Islam dalam konteks perkahwinan telah ditetapkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, yang menyediakan garis panduan mengenai hak dan tanggungjawab suami dan isteri. Islam secara menyeluruh menggariskan hak-hak ini untuk melindungi kesejahteraan dan memastikan keadilan dalam institusi keluarga (Robi'atul Adawiyah, 2019). Walaupun begitu, isu hak wanita dalam perkahwinan masih menjadi topik perbincangan dan perdebatan, khususnya dalam era moden yang menyaksikan perubahan signifikan dalam peranan wanita Islam di dalam masyarakat (Fikriyah, 2017).

Statistik terkini menunjukkan bahawa bilangan perkahwinan di Malaysia terus menurun, dengan hanya 214,824 perkahwinan direkodkan pada tahun 2022, menurun 0.5% daripada tahun sebelumnya. Penurunan ini disusuli dengan bilangan perkahwinan pada 2023 yang lebih rendah, iaitu sebanyak 188,100, menurun 12.5% daripada tahun 2022. Sebaliknya, kes perceraian meningkat secara mendadak sebanyak 43.1% pada tahun 2022, iaitu 62,890 kes berbanding 43,936 kes pada tahun 2021. Walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2023, dengan 57,835 kes direkodkan, kadar perceraian terus menjadi cabaran besar dalam membentuk institusi keluarga yang stabil. (Statistik Perkahwinan dan Penceraian Malaysia, Jabatan Perangkaan, 2023)

Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan untuk meneliti hak wanita Islam dalam perkahwinan dan keluarga dari dua perspektif yang saling melengkapi, iaitu perspektif Peguam Syarie dan pengamal kaunseling keluarga. Pendekatan dua dimensi ini penting kerana ia menggabungkan elemen psikologi yang ditekankan dalam kaunseling dengan aspek perundangan yang terkandung dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003. Pendekatan merentas disiplin ini berpotensi untuk memperkuuhkan

kefahaman dan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan hak-hak wanita, melalui peranan yang dimainkan oleh pengamal undang-undang syariah dan pengamal kaunseling keluarga. Hal ini dapat menyumbang kepada pembentukan institusi keluarga yang lebih seimbang dan adil serta memperkasakan wanita dalam perkahwinan.

Kajian ini mempunyai skop yang jelas dalam meneliti hak-hak wanita Islam dalam konteks perkahwinan dan keluarga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Penelitian ini merangkumi analisis hak wanita sebelum, semasa, dan selepas perkahwinan, termasuk isu-isu seperti hak nafkah, keadilan dalam poligami, dan hak-hak selepas perceraian. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada isu semasa yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian di Malaysia, berdasarkan statistik terkini yang menunjukkan penurunan bilangan perkahwinan dan peningkatan kes perceraian dalam tempoh 2022 hingga 2023. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini melibatkan penilaian peranan Peguam Syarie dan pengamal kaunseling keluarga, dengan meneliti bagaimana elemen perundungan dan psikologi dapat digabungkan untuk menyelesaikan konflik perkahwinan dan keluarga.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti hak-hak wanita dalam perkahwinan sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang Islam, serta mengkaji cabaran utama dalam pelaksanaan hak-hak tersebut. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menilai bagaimana peranan Peguam Syarie dan pengamal kaunseling keluarga dapat saling melengkapi dalam usaha memperkuuhkan pelaksanaan hak wanita. Pendekatan merentas disiplin yang menggabungkan elemen undang-undang syariah dan kaunseling ini diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan dalam menyelesaikan konflik keluarga dan memperkasakan wanita dalam perkahwinan. Kajian ini juga bertujuan untuk menyumbang kepada pembentukan institusi keluarga yang lebih stabil dan seimbang, serta mempromosikan keadilan dan kesejahteraan wanita dalam perkahwinan dan keluarga di Malaysia.

Sorotan Kajian

Mutakhir ini, Malaysia sering dikejutkan dengan pelbagai laporan membimbangkan mengenai keganasan dalam rumah tangga, termasuk keganasan terhadap pasangan suami isteri, kanak-kanak, dan warga tua (Nadiyah et al., 2021). Jika isu sosial ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya, ia boleh membawa kepada keruntuhan institusi kemasyarakatan, sekali gus menimbulkan persepsi bahawa pihak berkuasa gagal melindungi rakyat. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah tegas dan berkesan untuk menghalang serta mencegah masalah ini daripada menjadi norma dalam masyarakat di Malaysia.

Malah, institusi kekeluargaan di Malaysia kini menghadapi pelbagai cabaran yang berpotensi mengancam kesejahteraan dan keselamatan ahli keluarga. Antara isu utama yang sering mempengaruhi kesejahteraan keluarga termasuklah keharmonian rumah tangga, keseimbangan antara kerja dan keluarga, pengurusan ekonomi, kesihatan ahli keluarga, tahap keselamatan, hubungan kekeluargaan dan komuniti, amalan kerohanian, persekitaran yang tenteram, serta pengaruh teknologi terhadap keluarga (LPPKN, 2019).

Ahmad et al. (2022) dalam kajian Masalah Keganasan Rumah Tangga dan Penyelesaiannya dalam Pandangan Maqasid Syariah membincangkan punca dan faktor yang menyumbang kepada berlakunya keganasan rumah tangga serta langkah penyelesaiannya berdasarkan perspektif maqasid syariah. Menurut kajian tersebut, krisis ekonomi keluarga dan kesukaran

hidup sering menjadi pencetus pertikaian, yang seterusnya membawa kepada tekanan psikologi dan mental dalam kalangan ahli keluarga, bahkan berpotensi memusnahkan hubungan kekeluargaan. Mangsa keganasan rumah tangga kebiasaanya melibatkan golongan wanita.

Hak-hak wanita mempunyai kaitan yang rapat dengan elemen perundangan. Perundangan Malaysia telah menetapkan pelbagai hak untuk melindungi kepentingan wanita. Perlembagaan Persekutuan Malaysia juga menghormati dan mengiktiraf hak serta martabat wanita, memastikan kedudukan mereka terpelihara dalam masyarakat. Perkara 8(2) (Perlembagaan Persekutuan Malaysia, 1957) telah menjelaskan bahawa:

“Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang”

Perlembagaan Persekutuan Malaysia (1957) mengiktiraf dan menjamin hak wanita sebagai sebahagian daripada prinsip kesaksamaan di bawah Artikel 8(2), yang mlarang diskriminasi jantina. Penafsiran undang-undang ini bertujuan untuk menguatkan hak asasi wanita dan menyokong kesaksamaan gender dalam pelbagai aspek sosial, politik dan ekonomi (Nik Saleh et al., 2020).

Selain itu, terdapat peruntukan Malaysia terhadap Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) turut memperkuatkan martabat wanita dengan menekankan perlindungan hak dan keadilan gender di peringkat perundangan. Implementasi CEDAW di Malaysia telah membuka ruang bagi aktivis dan organisasi masyarakat untuk memperjuangkan hak wanita dan memastikan martabat mereka dihormati dalam pelbagai sektor (Elias, 2015).

Menurut Suhaila Nik Saleh (2021) dalam kajiannya menyatakan evolusi hak wanita di Malaysia melalui perspektif falsafah dan perundangan Islam. Walaupun terdapat kemajuan, kajian tersebut mengkritik beberapa pengecualian Malaysia terhadap CEDAW yang mencabar usaha kesetaraan gender.

Berdasarkan sudut perspektif Islam, martabat kaum wanita tidak pernah dipandang rendah tetapi perlu diingat bahawa Islam tidak pula menyamakan antara lelaki dan perempuan. Malah, agama Islam memberikan penghormatan kepada kaum wanita dan mengangkatnya kepada darjah yang tinggi mengikut ajaran Islam. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam ayat Al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain” (Al-Imran:195).

Berdasarkan ayat Al-Quran (3:195) di atas jelas menunjukkan bahawa Islam menempatkan kaum wanita pada kedudukan yang mulia. Islam tidak membezakan antara lelaki dan wanita khususnya dalam perkara yang melibatkan ibadat.

Perundangan syariah di Malaysia telah memperuntukkan beberapa hak penting kepada wanita dalam perkahwinan, termasuklah hak terhadap nafkah, pemberian selepas perceraian dan harta sepencarian. Walaupun peruntukan undang-undang ini telah wujud, kajian oleh Abdullah et al. (2009) mendapati masih terdapat cabaran dalam penguatkuasaan hak-hak ini di mahkamah syariah, terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan poligami, perceraian, dan

hak penjagaan anak. Oleh yang demikian, terdapat kepentingan untuk memperkasakan pemahaman wanita mengenai hak mereka di bawah undang-undang keluarga Islam melalui pendekatan psikopendidikan.

Walaupun hak-hak wanita dalam perkahwinan dilindungi di bawah Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, pelaksanaannya masih menghadapi pelbagai cabaran. Terdapat faktor-faktor seperti ketidakseimbangan kuasa dalam hubungan suami isteri, literasi undang-undang yang terhad dalam kalangan wanita, dan bias gender dalam sistem perundangan turut menjelaskan pemerkasaan hak wanita. Pendekatan yang lebih inklusif dan berdasarkan hak yang perlu diketengahkan untuk membantu wanita memahami dan memperjuangkan hak mereka (Alamgir, 2014).

Konsep inklusif dalam konteks hak wanita dalam perundangan Syariah merujuk kepada pendekatan yang menyeluruh dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam menjamin hak wanita melalui penglibatan pelbagai pihak melibatkan kerjasama antara mahkamah Syariah, NGO, dan institusi agama. Selain itu penglibatan aktif komuniti dan pemimpin agama. Malah, sokongan daripada Peguam Syarie dan pengamal kaunseling keluarga sebagai platform yang boleh akses kepada keadilan. Hal ini dapat dilihat melalui perkhidmatan guaman dan perkhidmatan kaunseling yang mesra wanita di samping program literasi undang-undang secara berterusan. Hal ini selari dengan matlamat Pembangunan Mapan (SDG 5) untuk mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan golongan wanita (Malaysia Sustainable Development Goals, 2017).

Berdasarkan perspektif pengamal kaunseling keluarga, pendekatan kaunseling yang holistik dapat membantu wanita menangani isu-isu berkaitan hak dalam perkahwinan. Kaunseling keluarga memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan psikologi dan bimbingan kepada wanita yang menghadapi konflik dalam perkahwinan. Selaras dengan, Bahagian C iaitu kompetensi profesional, pengamal kaunseling keluarga perlu merujuk klien kepada peguam Syarie bagi kes-kes yang melibatkan perundangan Syariah memandangkan ia berada di luar skop kompetensi profesional mereka (Kod Etika Lembaga Kaunselor Malaysia, 2011)

Bahagian C.2.a menetapkan bahawa Kaunselor Berdaftar perlu menjalankan tanggungjawab profesional dalam lingkungan kompetensi berdasarkan kelayakan akademik, pentauliahan dan pengalaman profesional mereka. Dalam konteks permasalahan perkahwinan, kaunselor boleh menyediakan sokongan psikososial kepada wanita yang menghadapi isu seperti pengabaian nafkah atau ketidakadilan dalam poligami, namun perlu kekal dalam skop kompetensi yang ditetapkan. Intervensi kaunseling yang berkesan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi wanita yang berhadapan dengan konflik perkahwinan (Kod Etika Lembaga Kaunselor Malaysia, 2011).

Peruntukan hak wanita dalam perkahwinan di Malaysia telah jelas termaktub dalam undang-undang keluarga Islam. Dalam konteks amalan undang-undang Syariah, Peguam Syarie memainkan peranan kritikal dalam memastikan hak wanita terpelihara di Mahkamah Syariah, terutamanya dalam proses tuntutan nafkah, mas kahwin, dan perceraian. Peguam Syarie berperanan memberikan khidmat nasihat guaman berdasarkan fakta kes dan peruntukan undang-undang yang terpakai di Mahkamah Syariah. Berdasarkan perspektif perundangan Islam, peranan Peguam Syarie berkait rapat dengan konsep "wakalah bi al-khusumah" yang merujuk kepada tanggungjawab menjamin, menjaga, dan mewakili individu dalam prosiding mahkamah. Konsep ini membolehkan Peguam Syarie bertindak sebagai wakil dalam

menguruskan tuntutan klien di hadapan Hakim Syarie di Mahkamah Syariah (Farhana et. al, 2020).

Peguam Syarie di Malaysia tertakluk kepada peruntukan Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam serta Kaedah atau Peraturan Peguam Syarie yang ditetapkan di setiap negeri. Proses pelantikan Peguam Syarie memerlukan calon memenuhi kelayakan yang digariskan dalam undang-undang Islam dan peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie negeri masing-masing. Walaupun terdapat kepelbagaiannya dalam peraturan antara negeri, prinsip asas kelayakan Peguam Syarie yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri kekal relevan dalam konteks amalan guaman Syarie kontemporari (Zulfah et. al, 2020).

Misalannya, Negeri Selangor adalah berpandukan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Berdasarkan Seksyen 80(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) memperuntukkan bahawa Majlis Agama Islam Selangor dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan Peguam Syarie di Negeri Selangor. Maka dapat difahami bahawa segala urusan berkaitan Peguam Syarie di Negeri Selangor berada di bawah pentadbiran kerajaan negeri Selangor (Ilhamuddin & Norhusairi, 2020).


Profesional peguam syarie di Malaysia secara umumnya dikawal selia di bawah Akta Profesional Undang-Undang 1976 serta Kaedah-Kaedah Profesional Undang-Undang Amalan Dan Kesopanan (Pindaan) 1978 dan 1994, yang memberi peluang kepada peguam syarie untuk mewakili anak guam mereka di Mahkamah Syariah. Setiap peguam syarie yang berdaftar dan diiktiraf tertakluk di bawah pemantauan Jawatankuasa Peguam Syarie. Di Selangor, jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Hakim Syarie sebagai pengurus, yang bertanggungjawab memastikan kelancaran dan profesionalisme dalam sistem kehakiman Syariah (Peletz, 2013). Sistem kawalan dan seliaan ini bukan sahaja menjamin kecekapan perkhidmatan perundangan tetapi juga membantu dalam memperkuuh kepercayaan orang ramai terhadap institusi kehakiman Syariah di Malaysia (Mahmod & Buang, 2021).

Jawatankuasa ini terdiri daripada beberapa ahli utama, termasuk Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya serta seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang dilantik oleh Ketua Pengarah. Selain itu, jawatankuasa ini juga melibatkan seorang Hakim kanan Mahkamah Tinggi Syariah serta Ketua Pendakwa Syarie. Di samping itu, seorang Peguam Syarie turut dilantik untuk mewakili barisan peguam syarie, bersama seorang pakar dalam Hukum Syarak (Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor, 2008).

Salah satu cabaran utama dalam isu hak wanita dalam perkahwinan adalah jurang antara amalan profesional peguam syarie dan amalan kaunseling keluarga. Pengamal kaunseling keluarga sering kekurangan pengetahuan mendalam tentang undang-undang yang terpakai di Mahkamah Syariah, manakala Peguam Syarie pula tidak selalu memfokuskan pada aspek psikososial wanita yang menghadapi konflik perkahwinan. Oleh itu, demi kemaslahatan wanita, perlu diwujudkan pendekatan kolaboratif antara Peguam Syarie dan pengamal kaunseling keluarga bagi menyediakan sokongan yang lebih menyeluruh, yang seterusnya dapat membantu wanita dalam mempertahankan hak mereka dalam perkahwinan (Foley, 2004).

Selain itu, teori yang mendasari kajian ini adalah teori *connectivisme*. Menurut Siemens (2004), pengetahuan kini berkembang lebih pantas berbanding masa lalu. Dalam menghadapi lambakan maklumat, prinsip-prinsip teori *Connectivisme* berperanan mengawal aliran informasi melalui rangkaian sosial. Pendekatan ini menyediakan akses tanpa had dan membuka peluang pembelajaran yang berterusan di masa hadapan. Pembelajaran teori *connectivism* adalah terarah kendiri dan fleksibel tetapi memberikan peluang untuk berkolaborasi sesama individu. Teori *connectivism* mempunyai ciri pembelajaran autonomi kendiri yang masih memberi peluang rangkaian pembelajaran rakan sebaya yang lain. Teori ini sangat relevan dalam era teknologi maklumat, di mana pembelajaran tidak lagi terhad kepada ruang kelas tradisional tetapi berlaku melalui pelbagai sumber digital dan sosial khususnya melibatkan psikopendidikan terhadap pemerkasaan hak wanita dalam keluarga dan perkahwinan di Malaysia.

Kajian ini menghasilkan kerangka kolaboratif melibatkan elemen perundangan dan psikopendidikan serta penglibatan institusi sebagai inisiatif terhadap pemerkasaan wanita. Prinsip asas bagi kerangka ini menggunakan pendekatan kolaboratif ini menggabungkan elemen perundangan dan kaunseling untuk menangani isu keluarga dan perkahwinan secara holistik. Undang-undang syariah bertindak sebagai kerangka perlindungan hak wanita, manakala kaunseling bertujuan memberikan sokongan psikososial dan mendidik masyarakat mengenai hak-hak ini. Kajian ini menunjukkan bahawa kerjasama antara peguam syarie dan kaunselor keluarga dan penglibatan institusi adalah diperlukan dalam menyelesaikan konflik rumah tangga seperti keganasan dan perceraian.



Rajah 2.1 Kerangka Kolobratif

Berdasarkan kerangka kajian ini dapat dirumuskan dengan gabungan elemen perundangan, pendekatan psikopendidikan dan kolaborasi institusi. Elemen perundangan berteraskan undang-undang syariah sebagai asas perlindungan hak wanita, merangkumi hak-hak sebelum perkahwinan (mas kahwin), semasa perkahwinan (nafkah, tempat tinggal, kasih sayang dalam poligami), dan selepas perceraian (nafkah iddah, mut’ah, dan hak penjagaan anak) (Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Malah pendekatan psikopendidikan berteraskan pendidikan dan sokongan kaunseling keluarga sebagai medium untuk meningkatkan kesedaran dan memberdayakan wanita dalam memahami hak mereka. Disamping itu, kolaborasi institusi melibatkan peranan Mahkamah Syariah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pengamal kaunseling keluarga dalam memberikan sokongan menyeluruh untuk menangani isu rumah tangga. Inisiatif ini dapat membantu usaha pemerkasaan wanita melalui gabungan intervensi undang-undang dan psikopendidikan, memastikan keadilan yang lebih baik dalam perkahwinan dan keluarga. Selain itu kesedaran wanita tentang hak dan tanggungjawab dalam keluarga serta kerjaya adalah penting untuk memastikan mereka tidak ditindas oleh individu atau sistem yang tidak adil. Selain itu, kefahaman yang jelas mengenai hak dan tanggungjawab ini juga memainkan peranan penting dalam mencapai keseimbangan dan kebahagiaan hidup. Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkasa golongan wanita (Awang et al., 2019).

Kerangka teori ini berfungsi untuk mengintegrasikan aspek undang-undang syariah dengan pendekatan kaunseling keluarga, memberikan panduan dalam menyelesaikan isu keganasan rumah tangga, perceraian, dan keadilan dalam poligami. Malah kerangka teori ini merupakan usaha untuk memperkuat kesedaran masyarakat mengenai hak wanita melalui intervensi berstruktur dari perspektif undang-undang dan kaunseling. Pemerkasaan wanita merupakan aspek penting dalam mencapai kesaksamaan gender. Kesaksamaan gender merujuk kepada keadaan, iaitu wanita dan lelaki menikmati peluang, akses, hak dan tanggungjawab yang sama dalam semua aspek kehidupan (Mulia, D. S., & Narwan, K., 2020).

Ahmad Hariri (2021) dalam kajian Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif menyatakan bahawa kebahagiaan atau kesejahteraan bersifat subjektif dan bergantung kepada individu namun, dengan adanya kekayaan hati, jiwa, dan minda, sebuah keluarga dapat menjadi lebih kukuh, saling menyayangi, akrab, serta sentiasa memberi dorongan untuk mencapai kejayaan bersama. Keluarga seperti ini akan gembira melihat kejayaan ahli keluarga lain, menjadi lebih produktif, yakin, ceria, dan sering menjadi sumber kebahagiaan kepada satu sama lain. Hal ini secara tidak langsung mengaplikasi prinsip maqasid syariah.

Metodologi Kajian

Kajian ini secara teorinya merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data melalui analisis kandungan dokumen. Data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sekunder yang berbentuk teks kandungan. Penelitian dilakukan pada sumber kandungan termasuk al-Quran dan al-Hadis yang menjadi rujukan para ulama sebagai dalil pandangan mereka serta kitab-kitab fiqh yang membincangkan hak-hak wanita. Selain itu, data juga diambil daripada buku ilmiah, jurnal, kertas persidangan, seminar dan kertas penyelidikan. Sumber lain termasuk statut perundangan yang berkuat kuasa seperti Akta, Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam serta Kaedah Peguam Syarie yang terpakai di Malaysia. Semua data yang diperoleh dalam bentuk dokumen atau teks ini dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Proses pengumpulan dan analisis data memerlukan kefahaman terhadap peruntukan undang-undang yang terpakai khususnya di Mahkamah Syariah.

Dapatkan Kajian

Hak Wanita Sebelum Perkahwinan

Ahmad et al. (2020) meneliti hak wanita dalam konteks pra-perkahwinan menurut perspektif al-Quran dan undang-undang Malaysia. Penelitian ini menunjukkan bahawa konsep perkahwinan Islam sebenarnya membebaskan wanita dan memelihara kedudukan mereka dalam masyarakat. Namun, terdapat salah faham akibat amalan budaya yang bercanggah dengan ajaran asal Islam, yang sering kali menjelaskan hak wanita sebelum berkahwin. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan hak-hak khusus kepada wanita bagi menjaga kehormatan dan maruah mereka dalam institusi perkahwinan.

Pemilihan Negeri Selangor sebagai rujukan adalah wajar kerana Selangor sering dijadikan model dalam pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia. Selangor mempunyai sistem pentadbiran Syariah yang lebih mapan dan moden, dengan sokongan kuat daripada institusi-institusi kehakiman yang konsisten dalam melindungi hak-hak wanita Muslim. Sebagai negeri yang berperanan penting dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang Syariah, Enakmen di Selangor menyediakan landasan yang komprehensif untuk memperkuuh hak wanita, yang menjadi contoh bagi negeri-negeri lain di Malaysia (Mahmod & Buang, 2021).

Hak Wanita Untuk Memilih Pasangan Sekufu

Menurut Seksyen 14 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, wanita diberi hak mutlak untuk memilih pasangan hidup mereka dengan mengemukakan dokumen yang diperlukan semasa permohonan perkahwinan. Islam menekankan bahawa perkahwinan haruslah berasaskan persetujuan kedua-dua pihak yakni seorang wanita tidak boleh dipaksa berkahwin tanpa persetujuan jelas daripadanya (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Sekiranya berlaku paksaan, perkahwinan tersebut dianggap gangguan dan menyalahi undang-undang. Berdasarkan Seksyen 37, pihak yang memaksa perkahwinan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau hukuman penjara tidak melebihi enam bulan, atau kedu-duanya (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Wanita juga berhak mendapat maklumat lengkap mengenai latar belakang bakal suami sebelum perkahwinan, termasuk aspek kewangan, tanggungjawab agama, dan sejarah peribadi. Berdasarkan maklumat ini, seorang wanita boleh menilai kesesuaian dan kemampuan bakal suami untuk memenuhi tanggungjawab sebagai suami menurut syariah. Maklumat ini penting sebagai rujukan dalam proses permulaan prosedur perkahwinan yang memerlukan permohonan kebenaran kepada Pendaftar di bawah Seksyen 16 (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Hal ini selari dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Pilihlah tempat yang baik untuk meneruskan keturunanmu, dan kahwinkanlah mereka yang sekufu, serta kahwinkanlah mereka" (Riwayat al-Hakim, 2:163).

Berdasarkan hadis ini jelas menekankan kepentingan memilih pasangan yang setaraf atau sekufu demi menjaga kesesuaian dan keharmonian dalam perkahwinan. Bagi memudahkan pemahaman dalam konteks perkahwinan Islam, pemilihan pasangan yang sekufu adalah

penting dalam memastikan keharmonian rumah tangga dan menghindari konflik yang mungkin timbul akibat perbezaan latar belakang sosial dan keagamaan.

Hak Wanita Untuk Pertunangan

Wanita mempunyai hak untuk bertunang dengan persetujuan kedua-dua pihak sebelum melangkah ke prosedur perkahwinan. Menurut Seksyen 15 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, wanita juga berhak menuntut ganti rugi jika pihak lelaki mungkir janji pertunangan. Ganti rugi ini boleh melibatkan pemulangan pemberian pertunangan atau bayaran kos yang telah dikeluarkan untuk persiapan pertunangan dan perkahwinan. Tuntutan tersebut boleh dikemukakan melalui Mahkamah Syariah (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Hak Wanita Terhadap Mas Kahwin

Islam menetapkan bahawa setiap wanita mempunyai hak untuk menerima mas kahwin daripada bakal suami sebagai syarat sah perkahwinan. Mas kahwin, atau mahar, ialah hadiah yang diberikan oleh suami kepada isteri sebagai tanda penghargaan dan komitmen dalam perkahwinan. Mas kahwin ini boleh berupa wang, barang, atau apa-apa yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak. Wanita berhak menentukan jumlah mas kahwin yang dianggap wajar, dan harta ini adalah hak milik peribadi wanita yang tidak boleh digunakan atau dikawal oleh sesiapa tanpa kebenarannya (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003). Hak terhadap mas kahwin ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 21 yang menegaskan pentingnya pengiktirafan harta peribadi wanita dalam perkahwinan.

Hak Terhadap Persediaan Perkahwinan & Kaunseling Pra-Perkahwinan

Wanita berhak menerima pendidikan yang mencukupi, termasuk dalam aspek agama, psikologi, dan undang-undang, sebelum memasuki perkahwinan. Persiapan ini penting untuk membolehkan mereka memahami hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan, serta bersedia menghadapi cabaran kehidupan rumah tangga. Sesi kaunseling pra-perkahwinan yang dijalankan oleh kaunselor berdaftar bertujuan memberi pengetahuan asas tentang hak dan tanggungjawab perkahwinan, meningkatkan perkembangan positif, dan mencegah konflik dalam perkahwinan. Proses kaunseling ini merangkumi perancangan kewangan, kesedaran peranan suami isteri, mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara pasangan, serta kemahiran penyelesaian konflik (Suratman, 2021). Ringkasan penerangan dapat dilihat pada Rajah 4.1.



Rajah 4.1 Hak Wanita Sebelum Perkahwinan

Hak Wanita Semasa Dalam Perkahwinan

Hak-hak wanita dalam perkahwinan adalah aspek penting dalam menjamin keadilan dan kesejahteraan dalam institusi kekeluargaan. Menurut perundangan syariah, perkahwinan dianggap sebagai ikatan suci yang melibatkan tanggungjawab bersama antara suami dan isteri. Islam mengiktiraf hak-hak wanita dalam perkahwinan untuk memastikan mereka dilayan dengan adil dan dihormati, termasuk hak atas harta dan kebebasan daripada sebarang bentuk paksaan dalam hubungan perkahwinan. Pendekatan ini membantu melindungi wanita daripada ketidakadilan dan penyalahgunaan dalam konteks perkahwinan serta memelihara keharmonian rumah tangga (Azam & Nisar, 2014).

Hak Terhadap Pemberian Nafkah

Dalam Islam, wanita mempunyai hak untuk menerima nafkah daripada suami sepanjang tempoh perkahwinan, yang merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal, dan keperluan asas lain yang sesuai dengan kemampuan suami. Tanggungjawab suami dalam menyediakan nafkah ini dinyatakan dengan jelas dalam firman Allah:

“Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman” (Al-Baqarah: 233).

Penyediaan nafkah ini bukan sahaja memperkuuh ikatan rumah tangga tetapi juga memastikan keadilan dalam memenuhi keperluan isteri, yang dilihat sebagai elemen penting dalam menjaga kesejahteraan keluarga menurut perspektif Islam (Haneef & Razak, 2017). Jika suami gagal menunaikan tanggungjawab ini, isteri berhak untuk menuntut nafkah daripada suami melalui mahkamah syariah. Seksyen 60 memperuntukkan di mana seorang suami boleh diperintahkan untuk membayar nafkah kepada seorang isteri selagi mana isteri tersebut tidak disabitkan nusyuz (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Hak Terhadap Penyediaan Tempat Tinggal

Wanita yang telah berkahwin adalah berada dibawah tanggungjawab seorang suami. Tanggungjawab seorang suami untuk menyediakan tempat tinggal yang selamat kepada isteri dan anak-anak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 72 (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003). Tanggungjawab yang besar bagi suami ialah wajib baginya memberikan nafkah tempat tinggal kepada isteri mengikut kemampuannya. Perkara ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu)” (Al-Talaq:6).

Hak Untuk Mendapat Layanan Yang Baik

Seorang wanita mempunyai hak untuk dilayan dengan baik oleh suami mereka. Firman Allah:

“Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)” (An-Nisa:19).

Ayat ini jelas menegaskan bahawa suami harus memperlakukan isteri dengan baik dan hormat. Ini termasuk perlakuan yang adil, tidak memudaratkan isteri secara fizikal atau emosi, serta memberi kasih sayang dan perhatian. Jika suami melanggar hak ini, isteri berhak mendapatkan nasihat atau tindakan undang-undang syariah, termasuk memohon fasakh jika layanan buruk itu berterusan (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Hak Wanita Mendapatkan Perlindungan Fizikal Dan Emosi

Baharudin et al. (2023) menganalisis prinsip-prinsip al-Quran dan hadis untuk melindungi hak sosial wanita daripada keganasan rumah tangga. Penelitian ini mendapati bahawa keganasan tidak hanya berlaku kepada wanita berpendapatan rendah, tetapi juga kepada golongan profesional, menegaskan pentingnya pemberdayaan ekonomi wanita.

Islam memberikan hak kepada wanita untuk dilindungi daripada sebarang bentuk keganasan, termasuk keganasan rumah tangga. Dalam Islam, suami tidak boleh menyakiti isteri sama ada secara fizikal, mental, atau emosi, dan penderaan terhadap isteri dianggap sebagai dosa besar yang boleh dijadikan asas untuk tuntutan perceraian. Wanita yang mengalami penderaan berhak mendapatkan perlindungan undang-undang dan bantuan dari mahkamah syariah, di mana undang-undang menyediakan perintah perlindungan sementara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 4 dan Seksyen 5 (Akta Keganasan Rumah Tangga 1994).

Selain itu, Seksyen 11 memperuntukkan perkhidmatan kaunseling bagi mangsa penderaan untuk membantu dalam pemulihan mereka. Pendekatan undang-undang dan kaunseling dapat memastikan wanita dilindungi daripada penderaan dan diberi keadilan dalam perkahwinan serta kehidupan rumah tangga. (Akta Keganasan Rumah Tangga 1994).

Islam telah menggariskan panduan yang jelas mengenai peranan dan tanggungjawab suami isteri dalam institusi perkahwinan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka." (An-Nisa':34)

Hak Wanita Untuk Mendapatkan Keadilan Dalam Poligami

Islam membenarkan poligami, tetapi dengan syarat suami tersebut berlaku adil kepada semua isterinya. Jika seorang lelaki berkahwin lebih daripada satu, wanita yang menjadi isteri mempunyai hak untuk menuntut keadilan dari segi nafkah, masa, dan perhatian yang diberikan oleh suami. Jika suami gagal berlaku adil, isteri boleh membawa kes ini ke mahkamah syariah untuk menuntut haknya. Poligami yang tidak adil boleh menyebabkan isteri menuntut perceraian atau menolak poligami jika syarat perjanjian asal perkahwinan menetapkan demikian. Seksyen 23 memperuntukkan agar suami yang berpoligami dapat berlaku adil kepada isteri-isteri dan tidak mendatangkan kemudaratan serta kezaliman terhadap isteri-isteri. (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003)

Hal ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

"Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh hendak melakukannya; oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awan-awan) Ayat ini memperakui ketidakmampuan manusia untuk melayani para isteri secara sama rata dari sudut belaian kasih sayang dan kecenderungan hati, kerana ia berada di luar kemampuan manusia, meski betapa kuatnya usaha dan keinginan untuk berbuat demikian. Oleh itu, Allah SWT hanya mensyariatkan kepada suami agar berlaku adil kepada para isteri dari sudut pembahagian giliran dan nafkah, supaya tidak meninggalkan isteri tanpa dilayani haknya". (An-Nisa:129).

Ayat ini dapat difahami bahawa manusia mempunyai keterbatasan dalam mencapai keadilan mutlak terhadap isteri-isteri dalam perkahwinan poligami, terutamanya dari aspek kasih sayang dan kecenderungan hati. Walau bagaimanapun, Islam menetapkan bahawa keadilan yang dituntut dalam poligami adalah dari sudut zahir seperti pembahagian giliran dan nafkah. Menurut Al-Zuhaili (1997), aspek keadilan yang wajib dipenuhi dalam poligami merangkumi perkara-perkara material seperti tempat tinggal, nafkah, dan pembahagian masa, manakala perkara yang berkaitan dengan perasaan dan emosi adalah di luar kemampuan manusia untuk dikawal sepenuhnya.

Hak Wanita Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan Dan Keluarga

Perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan keluarga merupakan salah satu hak penting bagi wanita Islam dalam menangani isu-isu kekeluargaan. Di Malaysia, perkhidmatan ini dilaksanakan secara sistematis yang mengiktiraf peranan Kaunselor Berdaftar dalam memberikan khidmat nasihat profesional kepada pasangan yang menghadapi konflik rumah tangga (Akta Kaunselor 1998).

Perkhidmatan kaunseling perkahwinan dapat membantu mengurangkan kadar perceraian dalam kalangan pasangan Muslim di Malaysia. Pendekatan kaunseling yang mengintegrasikan nilai-nilai Islam dengan teknik kaunseling moden didapati lebih berkesan dalam menangani isu-isu perkahwinan dalam konteks masyarakat Islam. Selain itu, perkhidmatan kaunseling ini juga berperanan sebagai mekanisme sokongan yang membantu wanita membuat keputusan yang tepat sama ada untuk mengekalkan perkahwinan atau mencari penyelesaian alternatif yang sah di sisi undang-undang. Kepelbagai pendekatan yang boleh digunakan dalam intervensi kaunseling dapat membantu aspek psikologi wanita khususnya wanita yang dalam konflik rumah tangga mahupun pasca penceraian. (Paslan & Othman, 2021).

Dalam konteks kaunseling Islam, proses perhubungan menolong ini merupakan manifestasi daripada konsep ta'awun iaitu saling membantu yang ditekankan dalam syariat (Fariza, 2017). Pendekatan kaunseling yang berlandaskan nilai-nilai Islam ini telah terbukti berkesan dalam membantu individu menangani pelbagai cabaran hidup. Kombinasi prinsip-prinsip Islam dengan kaedah kaunseling moden telah menghasilkan pendekatan yang lebih holistik dalam memahami dan menangani masalah psikososial manusia. Pendekatan ini tidak hanya fokus kepada penyelesaian masalah semasa, tetapi turut menekankan aspek pembangunan spiritual dan emosi (Corey, 2019).

Hak Wanita Untuk Menuntut Penceraihan

Wanita Islam mempunyai hak untuk menuntut perceraian jika terdapat sebab-sebab yang sah dan kukuh. Perceraian boleh berlaku atas permintaan isteri melalui beberapa cara yang diiktiraf dalam perundangan Syariah. Seksyen 47 memperuntukkan penceraihan dengan talak melalui permohonan di Mahkamah Syariah dengan persetujuan kedua-dua pihak disebabkan tiada persefahaman (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003). Peruntukan ini merangkumi pelbagai bentuk perceraian yang boleh dipohon oleh wanita mengikut kesesuaian kes masing-masing. Penceraihan secara talak melalui permohonan di Mahkamah Syariah dengan persetujuan kedua-dua pihak atas dasar perselisihan.

Selain itu, seksyen 53 memperuntukkan penceraihan secara fasakh merujuk kepada pembubaran perkahwinan melalui perintah mahkamah syariah atas permohonan isteri. Fasakh berlaku apabila terdapat sebab-sebab tertentu yang membuatkan perkahwinan itu tidak boleh diteruskan lagi. Dalam kes ini, penceraihan tidak berlaku melalui talak yang dijatuhkan oleh suami, tetapi melalui keputusan mahkamah (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003). Penceraihan secara asakh merupakan remedii penting bagi wanita yang menghadapi penganiayaan dalam perkahwinan. Peruntukan ini membuktikan bahawa sistem perundangan Islam memberi ruang kepada wanita untuk membebaskan diri daripada perkahwinan yang memudaratkan.

Seksyen 49 memperuntukkan penceraian secara tebus talak iaitu perceraian yang diminta oleh isteri dengan memberi pampasan kepada suami. Pampasan ini biasanya berupa wang atau harta, dan suami akan menjatuhkan talak sebagai balasan. Tebus talak biasanya berlaku apabila isteri tidak lagi mahu meneruskan perkahwinan atas sebab-sebab peribadi, walaupun suami tidak melakukan kesalahan. Proses tebus talak melibatkan rundingan antara suami dan isteri, dan pampasan yang dipersetujui adalah untuk melepaskan hak suami terhadap perkahwinan. Mahkamah Syariah akan membenarkan tebus talak jika hubungan suami isteri sudah tidak dapat diselamatkan dan isteri tidak lagi rela meneruskan perkahwinan tersebut. (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Seksyen 50 membenarkan isteri untuk menuntut perceraian melalui lafaz taklik iaitu syarat-syarat yang ditetapkan dalam akad nikah yang membolehkan isteri menuntut cerai jika suami melanggar syarat-syarat tersebut. Taklik biasanya merujuk kepada janji suami selepas akad nikah, seperti janji untuk tidak mendera isteri, tidak meninggalkan isteri untuk tempoh yang lama tanpa alasan, atau janji untuk menunaikan nafkah. Jika suami melanggar mana-mana syarat dalam taklik, isteri berhak membawa kes ini ke mahkamah syariah dan menuntut perceraian. Mahkamah akan menyelidik dan memutuskan sama ada pelanggaran taklik telah berlaku, dan jika terbukti, perceraian akan dibenarkan (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Dalil pensyariatan talak bagi pasangan yang berkahwin namun tidak dapat mencari jalan keluar dalam menyelesaikan masalah rumah tangga mereka. Islam membenarkan perceraian sebagaimana Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik”. (Al-Baqarah: 229). Ringkasan penerangan dapat dilihat pada Rajah 4.2 seperti berikut:



Rajah 4.2 Hak Wanita Semasa Dalam Perkahwinan

Hak Wanita Selepas Perceraian

Sistem perundangan Islam memberikan jaminan perlindungan kepada hak-hak wanita selepas perceraian bagi memastikan kesejahteraan dan maruah mereka terus terpelihara. Di Malaysia, perlindungan ini dilaksanakan melalui rangka kerja perundangan syariah yang komprehensif dalam menangani isu-isu pasca perceraian berdasarkan prosedur undang-undang (Enakmen Tatacara Mal Negeri Selangor, 2003). Hak-hak wanita selepas perceraian merangkumi pelbagai aspek termasuk nafkah eddah, mut'ah, hak penjagaan anak, dan pembahagian harta sepencarian. Keberkesanan pelaksanaan hak-hak ini bergantung kepada kecekapan sistem kehakiman syariah dalam mengendalikan kes-kes perceraian.

Hak Wanita Untuk Mendapatkan Nafkah Iddah

Berdasarkan Seksyen 66, wanita Islam berhak menerima nafkah iddah daripada bekas suami sepanjang tempoh iddah selepas perceraian. Iddah ialah tempoh di mana wanita tidak boleh berkahwin semula, dan tempoh ini biasanya berlangsung selama tiga kali haid bagi wanita yang masih haid atau tiga bulan bagi yang tidak haid. Tujuan pemberian nafkah iddah adalah untuk memastikan bekas isteri mendapat keperluan asas sepanjang tempoh ini, termasuk tempat tinggal, makanan, dan pakaian, dengan syarat tidak berlaku nusyuz (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Di dalam Al-Quran, konsep nafkah iddah juga disebut dalam ayat yang bermaksud:

“Tempatkanlah isteri-isteri yang menjalani ‘iddahnya itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu, dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka di tempat tinggal itu dan tujuan menyusahkan kedudukan mereka supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu” (Al-Talak:65).

Hak Wanita Untuk Mendapatkan Pemberian Selepas Perceraian

Mut'ah adalah pemberian berbentuk harta atau wang sebagai hadiah perpisahan dari suami kepada isteri setelah perceraian. Dalam konteks syariah dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, mut'ah berfungsi sebagai satu bentuk pampasan atau bantuan kewangan yang diberikan kepada isteri yang diceraikan tanpa alasan yang wajar. Ia bertujuan untuk menghargai peranan isteri dan menyediakan sokongan bagi meringankan beban kewangan yang mungkin dihadapi akibat perceraian (Mustafa & Nasohah, 2022).

Berdasarkan Seksyen 58, Mahkamah Syariah akan menentukan jumlah mut'ah dengan mengambil kira beberapa faktor, termasuk tempoh perkahwinan, tahap kekayaan suami, dan taraf kehidupan isteri sebelum perceraian. Penentuan ini selaras dengan tujuan mut'ah sebagai bantuan kewangan bagi wanita yang mungkin terkesan akibat perceraian, serta merupakan hak yang telah diatur dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia. (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Hak Wanita Untuk Mendapatkan Hak Penjagaan Anak

Selepas perceraian, wanita Islam berhak menuntut penjagaan anak-anak, terutama jika mereka masih kecil. Berdasarkan peruntukan undang-undang, hak penjagaan anak secara umumnya diberikan kepada ibu, terutamanya jika anak-anak belum mencapai usia mumayyiz, iaitu belum mempunyai kebolehan untuk membezakan antara baik dan buruk. Namun, hak penjagaan ini bergantung kepada beberapa syarat, termasuk bahawa ibu mestilah seorang Muslim yang berakhlaq baik serta berkemampuan menjaga dan melindungi anak-anak dengan baik (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Seorang anak yang mencapai umur mumayyiz, biasanya sekitar 7 tahun bagi anak lelaki dan 9 tahun bagi anak perempuan, Mahkamah Syariah membenarkan mereka memilih sama ada ingin tinggal bersama ibu atau bapa. Hak hadhanah ini tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, seperti bahawa ibu atau bapa mestilah seorang Muslim dan berkelakuan baik. Hak hadhanah bagi ibu adalah untuk menjaga kebajikan anak yang masih kecil selepas perceraian (Mustafa & Nasohah, 2022).

Hak Wanita Untuk Mendapatkan Harta Sepencarian

Muhammad & Abdul Halim (2022) membincangkan isu kesedaran wanita terhadap hak harta sepencarian di Selangor. Walaupun undang-undang Islam menyokong tuntutan harta semasa perceraian atau kematian, kekurangan maklumat dan pemahaman menyebabkan ramai wanita gagal menuntut hak mereka sepenuhnya.

Seorang wanita berhak menuntut harta sepencarian selepas perceraian. Harta sepencarian merujuk kepada harta yang diperoleh bersama oleh suami dan isteri sepanjang tempoh perkahwinan, termasuk harta yang dibeli secara bersama atau yang diperoleh oleh salah satu pasangan dengan sumbangan tidak langsung daripada pasangannya, seperti kerja rumah atau penjagaan anak-anak. Mahkamah Syariah akan mempertimbangkan sumbangan kedua-dua pihak dalam pembahagian harta sepencarian ini. Wanita yang menyumbang kepada harta keluarga berhak menuntut bahagiannya setelah perceraian. Seksyen 122 memperuntukkan pembahagian aset-aset yang diperoleh oleh suami dan isteri sepanjang tempoh perkahwinan dengan mengambil kira sumbangan langsung dan tidak langsung antara pihak-pihak (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Hak Wanita Untuk Mendapatkan Nafkah Tertunggak

Jika terdapat sebahagian mahar yang belum dibayar, isteri berhak menuntutnya selepas perceraian. Sekiranya suami mempunyai hutang yang perlu diselesaikan sepanjang perkahwinan atau berkaitan dengan pembahagian harta, isteri juga berhak menuntut penyelesaian hutang ini selepas perceraian. Ini termasuk hutang yang melibatkan harta sepencarian atau hutang yang ditanggung untuk keperluan rumah tangga. Berdasarkan Seksyen 70, Mahkamah Syariah boleh mengarahkan pembahagian harta atau penyelesaian hutang ini secara adil, bergantung pada keadaan yang munasabah (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Tunggakan nafkah yang diabaikan semasa perkahwinan dianggap sebagai hutang yang menjadi tanggungan suami, yang mesti dilangsaikan walaupun selepas kematiannya. Hutang ini perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembahagian harta pusaka secara faraid, kerana Islam meletakkan hutang sebagai keutamaan dalam penyelesaian aset si mati (Nursyamsudin, 2018).

Hak Wanita Untuk Rujuk

Berdasarkan kes talak raj'i (talak pertama atau kedua), seorang suami berhak merujuk isteri dalam tempoh iddah. Isteri berhak menerima atau menolak rujuk tersebut jika tempoh iddah telah tamat. Seksyen 52 memperuntukkan kuasa rujuk kepada tindakan suami mengambil kembali isterinya yang telah diceraikan dalam talak raj'i (talak yang boleh dirujuk) semasa dalam tempoh iddah tanpa perlu akad nikah baru. Ini memberikan peluang kepada suami dan isteri untuk memperbaiki hubungan mereka tanpa perlu melalui proses akad nikah semula. Namun, hak untuk rujuk tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, dan wanita juga mempunyai


hak-hak tertentu dalam proses rujuk ini (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003)

Hak rujuk hanya wujud dalam kes talak raj'i, iaitu talak satu atau talak dua. Dalam konteks ini, suami masih mempunyai hak untuk kembali kepada isteri semasa tempoh iddah. Namun, jika talak tiga (talak bain kubra) telah dijatuhkan, rujuk tidak dibenarkan kecuali selepas isteri berkahwin dengan lelaki lain dan bercerai dengan cara yang sah mengikut syariah. Tempoh iddah adalah penting dalam menentukan sama ada suami boleh merujuk isteri. Jika tempoh iddah sudah tamat, hak untuk rujuk juga berakhir, dan jika pasangan ingin bersama semula, mereka perlu mengadakan akad nikah yang baru (Raihanah & Zulzaidi, 2010).

Salah satu hak asas wanita dalam rujuk ialah hak untuk mengetahui tentang tindakan rujuk. Walaupun syariah memberikan hak kepada suami untuk merujuk isteri secara unilateral (tanpa perlu persetujuan isteri), suami wajib memaklumkan kepada isteri bahawa rujuk telah berlaku. Ini penting agar isteri menyedari status perkahwinannya dan tidak berada dalam kekeliruan tentang kedudukan dirinya. Suami juga diwajibkan memaklumkan kepada pihak berkuasa agama mengenai rujuk yang berlaku, dan pencatatan rasmi perlu dilakukan di mahkamah syariah. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang kekeliruan atau pertikaian mengenai status rujuk (Rahmah & Norhusairi, 2023).

Contohnya, walaupun suami mempunyai hak untuk merujuk isteri, jika terdapat keadaan di mana isteri dianiaya atau hak-haknya sebagai isteri tidak dipenuhi, isteri boleh menolak rujuk melalui saluran mahkamah syariah. Ini termasuk jika terdapat bukti bahawa suami tidak berubah atau masih melakukan salah laku seperti penderaan fizikal, mental, atau seksual, atau tidak memberikan nafkah yang mencukupi. Berdasarkan situasi ini, isteri boleh memohon kepada mahkamah syariah untuk menolak rujuk dan meminta pembubaran perkahwinan melalui fasakh. Mahkamah syariah akan menyiasat kes ini dan memutuskan sama ada rujuk harus diteruskan atau perkahwinan perlu dibubarkan.

Misalannya semasa tempoh iddah, jika rujuk berlaku, suami bertanggungjawab untuk terus memberikan nafkah kepada isteri. Isteri berhak menerima nafkah sepanjang tempoh iddah, termasuk nafkah makanan, tempat tinggal, dan pakaian, melainkan isteri dalam keadaan nusyuz (tidak patuh kepada suami). Rujuk yang sah tidak boleh mengabaikan tanggungjawab nafkah suami terhadap isteri. Jika suami gagal memenuhi tanggungjawab ini, isteri berhak membuat aduan kepada mahkamah syariah, dan mahkamah boleh memerintahkan suami untuk memenuhi kewajiban tersebut. Ringkasan penerangan dapat dilihat berdasarkan Rajah 4.3 seperti berikut:



Rajah 4.3 Hak Selepas Penceraian

Peranan

Pengamal Kaunseling Keluarga & Perkahwinan

Pengamal kaunseling keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu wanita berhadapan dengan konflik dalam perkahwinan. Kaunselor keluarga berfungsi sebagai pembimbing yang menyokong kesejahteraan wanita dalam hubungan perkahwinan. Berdasarkan konteks hak wanita dalam perkahwinan, kaunselor keluarga mempunyai tanggungjawab yang luas yang meliputi aspek pemikiran, emosi, tingkah laku, sosial, spiritual dan kesihatan mental. Kaunseling keluarga sebagai intervensi yang dapat membentuk kesejahteraan sesebuah keluarga (Norhayati Mohd Noor, 2012).

Kaunselor keluarga adalah disarankan untuk membantu merujuk klien kepada pengamal profesional guaman syarie seperti Peguam Syarie untuk menerangkan aspek undang-undang syariah yang relevan dalam konteks perkahwinan dan peranannya dalam melindungi hak wanita melalui tuntutan di Mahkamah Syariah. Berdasarkan integrasi perkhidmatan kaunseling keluarga dan khidmat nasihat guaman syarie, seseorang wanita akan lebih peka terhadap hak mereka dan lebih yakin untuk menegakkan hak mereka khususnya melibatkan prosedur di Mahkamah Syariah. Pengamal kaunseling perlu mempunyai jalinan hubungan dengan bidang profesi lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian D.1.b. (Kod Etika Lembaga Kaunselor, 2011).

Pengamal kaunseling keluarga memainkan peranan penting dalam membimbing proses komunikasi yang efektif dalam perkahwinan, membantu pasangan terutamanya Wanita mengatasi isu komunikasi yang lemah, yang sering menjadi punca konflik rumah tangga. Kaunselor keluarga dapat membantu pasangan belajar dan mengamalkan teknik komunikasi yang lebih berkesan bagi menyelesaikan isu-isu perkahwinan tanpa melanggar hak-hak mereka. Dalam konteks ini, kaunselor boleh mengajarkan kemahiran komunikasi asertif, seperti menyuarakan pendapat dan perasaan tanpa rasa takut atau bersalah serta mengurus

konflik dengan adil, tanpa melanggar hak-hak pihak lain. Komunikasi yang baik bukan sahaja membantu wanita mengekalkan hak mereka, seperti hak nafkah dan layanan yang adil, tetapi juga mengurangkan keperluan untuk penyelesaian undang-undang atau perceraian dalam menangani isu rumah tangga (Suzana et.al, 2020).

Wanita yang menghadapi konflik perkahwinan, seperti penderaan fizikal, emosi, atau ketidakadilan, memerlukan sokongan emosi dan bimbingan profesional. Kaunselor keluarga membantu wanita mengenal pasti masalah yang dihadapi serta memberikan sokongan melalui sesi kaunseling individu atau pasangan untuk menyelesaikan konflik secara konstruktif dan menyediakan strategi menangani tekanan emosi akibat konflik perkahwinan. Dalam situasi ini, kaunselor memainkan peranan sebagai pemandu arah, membantu wanita membuat keputusan yang bijak dan realistik mengenai masa depan perkahwinan mereka, termasuk tindakan untuk meneruskan hubungan atau menuntut hak perceraian. Selain itu, kaunselor keluarga berperanan dalam memastikan bahawa wanita tidak merasa tertekan atau hilang arah ketika menghadapi konflik rumah tangga, dengan menyediakan sokongan psikologi dan kaunseling berterusan (Mustafa & Nasohah, 2022).

Proses perkahwinan, perceraian, dan konflik rumah tangga sering memberi kesan emosi yang mendalam kepada wanita, termasuk tekanan dan kemurungan akibat hubungan yang tidak harmoni. Dalam konteks ini, kaunselor keluarga memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan psikologi yang membantu wanita menghadapi pelbagai emosi negatif seperti kebimbangan terhadap masa depan selepas perceraian, serta perasaan rendah diri atau rasa bersalah akibat kegagalan perkahwinan. Sokongan psikologi daripada kaunselor bukan sahaja membantu menstabilkan emosi wanita, tetapi juga memberikan keyakinan untuk menghadapi cabaran hidup dan membuat keputusan yang tepat mengenai perkahwinan dan kehidupan peribadi (Jaja Suteja & M. Muzaki, 2020)

Peranan Peguam Syarie

Peguam syarie memainkan peranan yang kritikal dalam sistem perundangan keluarga Islam di Malaysia, terutamanya dalam melindungi dan memperjuangkan hak-hak wanita Islam dalam konteks perkahwinan. Sebagai wakil undang-undang, mereka membantu wanita memahami dan menegakkan hak mereka dalam perkahwinan dan perceraian, termasuk aspek perundangan serta pengurusan hal-hal seperti nafkah, penjagaan anak, dan harta sepencarian. Peguam syarie bertanggungjawab memberikan penjelasan terperinci mengenai hak-hak wanita berdasarkan undang-undang syariah dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Melalui penelitian keadaan spesifik setiap kes, Peguam Syarie memberi nasihat yang komprehensif untuk memastikan wanita memahami hak mereka secara menyeluruh dan cara menuntut hak tersebut apabila berlaku pertikaian (Hammad et.al, 2019).


Sekiranya berlaku perceraian, peranan Peguam Syarie penting dalam membantu wanita menuntut hak-hak mereka melalui prosedur yang sah di Mahkamah Syariah dan menyediakan khidmat nasihat guaman. Selain itu, proses pengumpulan bukti untuk menyokong tuntutan perceraian, seperti bukti penganiayaan, kegagalan memberi nafkah atau penderaan emosi disamping mengemukakan hujah-hujah di Mahkamah Syariah yang dilakukan oleh Peguam Syarie bagi pihak wanita untuk memastikan keputusan perceraian yang diperolehi adalah adil dan menjaga kepentingan pihak-pihak terutama dalam hal-hal berkaitan nafkah iddah, mutaah (pampasan perceraian) dan penjagaan anak. (Abdul Monir Yaacob, 2015)

Peguam syarie juga bertanggungjawab memastikan bahawa hak wanita untuk menuntut perceraian terutamanya jika terdapat unsur penganiayaan atau ketidakadilan dalam perkahwinan. Salah satu hak wanita yang paling asas dalam perkahwinan ialah hak untuk menerima nafkah dari suami. Sekiranya suami gagal memberikan nafkah, peguam syarie boleh membantu wanita untuk memfailkan tuntutan nafkah di mahkamah Syariah, mengemukakan bukti mengenai kegagalan suami dalam menunaikan tanggungjawab nafkah, seperti penyata kewangan atau saksi, membantu wanita dalam memahami jenis-jenis nafkah yang boleh dituntut, termasuk nafkah semasa dalam perkahwinan, nafkah idah dan nafkah anak. Peguam Syarie akan memastikan bahawa tuntutan nafkah dituntut dengan betul supaya Mahkamah Syariah dapat mengeluarkan perintah yang mewajibkan suami untuk membayar nafkah yang tertunggak atau terus menunaikan tanggungjawab tersebut (Musa Awang, 2017).

Hak penjagaan anak sering menjadi isu dalam perceraian. Peguam syarie membantu wanita menuntut hak penjagaan anak mereka berdasarkan prinsip syariah dan undang-undang keluarga Islam. Tanggungjawab Peguam Syarie termasuk memfailkan tuntutan penjagaan anak dan mengemukakan bukti bahawa seorang ibu adalah penjaga yang mampu untuk menjaga kebajikan anak-anak terutama dalam kes di mana suami mencabar hak penjagaan tersebut. Selain itu, peranan Peguam Syarie untuk memastikan Mahkamah Syariah mempertimbangkan kepentingan yang terbaik anak-anak termasuklah merangkumi elemen emosi, pendidikan dan keperluan fizikal anak-anak. Perintah hak penjagaan anak yang adil bagi memelihara hak seorang ibu supaya dapat memastikan anak-anak berada dalam persekitaran yang selamat dan terjamin. (Farhanah et.al, 2020).

Harta sepencarian adalah harta yang diperoleh semasa perkahwinan, yang perlu dibahagikan secara adil jika berlaku perceraian. Peguam syarie memainkan peranan penting dalam membantu wanita menuntut hak mereka terhadap harta sepencarian dengan menilai dan mengumpulkan bukti tentang sumbangan wanita, sama ada secara langsung (contohnya sumbangan kewangan) atau tidak langsung (contohnya sumbangan sebagai suri rumah tangga). Selain itu, Peguam Syarie mengemukakan tuntutan harta sepencarian di mahkamah syariah dan mempertahankan hak wanita untuk mendapatkan bahagian yang adil dari harta tersebut disamping berunding atau membantu penyelesaian luar mahkamah antara suami isteri untuk memastikan pembahagian harta dilakukan dengan cara yang adil dan mematuhi peraturan syariah (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003).

Kolaborasi Peranan Peguam Syarie & Pengamal Kaunseling Keluarga



Rajah 5.1 Kolaborasi Peranan Peguam Syarie dan Pengamal Kaunseling Keluarga

Berdasarkan Rajah 5.1 dapat dilihat kolaborasi antara Peguam Syarie dan Pengamal Kaunseling Keluarga dalam konteks hak wanita dalam perkahwinan di Malaysia dapat memberikan impak yang lebih holistik dalam menjaga kepentingan wanita dan memastikan keadilan dalam kes perundangan keluarga Islam.

Kolaborasi antara Peguam Syarie dan Kaunselor Berdaftar memainkan peranan penting dalam pengurusan konflik perkahwinan yang melibatkan hak wanita Islam melalui khidmat nasihat guaman syarie. Pengamal Kaunseling Keluarga pula dapat membantu klien melalui sesi kaunseling yang dapat mencegah perceraian melalui perbincangan lebih harmoni. Kajian oleh Sahari dan Zin (2016) menekankan pentingnya peranan Peguam Syarie dalam menyelesaikan isu pembahagian harta dalam kes perkahwinan poligami yang memberikan lebih perlindungan kepada hak isteri dan anak-anak (Sahari & Zin, 2016).

Kolaborasi ini juga memberi fokus kepada pendidikan dan kesedaran mengenai hak wanita dalam perkahwinan, termasuk hak ke atas harta sepencarian dan hak penjagaan anak. Muhammad dan Halim (2022) menekankan bahawa kurangnya pengetahuan sering menyebabkan wanita merasa tertindas dalam menuntut hak mereka, khususnya dalam harta sepencarian yang dapat dijamin undang-undang jika terdapat kesedaran yang memadai.

Peguam Syarie membantu meningkatkan kesedaran wanita Islam tentang hak-hak mereka dalam perkahwinan, termasuk hak untuk membuat tuntutan harta sepencarian setelah bercerai atau kematian suami serta hak penjagaan anak. Pengamal Kaunseling Keluarga dapat membantu meliputi aspek pemikiran yang rasional dalam menetapkan matlamat jangka masa pendek dan matlamat jangka masa panjang melibatkan kehidupan pasca penceraian dan pasca kematian pasangan. Penggunaan intervensi kaunseling yang melibatkan teori dan Teknik yang bersesuaian dapat meningkatkan kesejahteraan psikologi wanita dalam kehidupan seharian (Corey, 2019).

Peguam Syarie hanya memberikan khidmat nasihat guaman syarie dan pelaksanaan perbicaraan di Mahkamah Syariah manakala Pengamal Kaunseling Keluarga menjalankan sesi kaunseling keluarga dan pasangan untuk membantu penyelesaian konflik dalam perkahwinan dan kehidupan pasca penceraian. Pendekatan kaunseling terutamanya

pendekatan Terapi Kognitif Tingkah Laku terbukti efektif dalam membantu wanita pasca-perceraian menyesuaikan diri secara psikologi. Intervensi kaunseling melalui pendekatan Kognitif Tingkah Laku membantu wanita pasca perceraian dalam menyesuaikan emosi mereka serta meningkatkan penyesuaian psikologi mereka (Paslan & Othman, 2021).

Sokongan dalam kehidupan perkahwinan dan keluarga menyumbang kepada kesejahteraan psikologi wanita, terutama dalam aspek penerimaan diri dan tujuan hidup. Hal ini menunjukkan bahawa peranan Peguam Syarie dan Pengamal Kaunseling Keluarga dapat membantu memperkuatkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan dalam kes-kes perkahwinan bermasalah (Alias et al., 2022). Ringkasan penerangan dapat dilihat pada Rajah 5.2 di bawah.



Rajah 5.2 Pembentukan Kesejahteraan Psikologi Wanita Islam

Kesimpulan

Kesimpulannya, kerjasama kolaboratif antara Peguam Syarie dan Pengamal Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan amat disarankan untuk memberikan maslahah yang lebih menyeluruh kepada wanita dalam mempertahankan hak-hak mereka dalam perkahwinan. Melalui kolaborasi ini, kaunselor dapat menyediakan sokongan emosi dan psikologi, manakala Peguam Syarie membantu memperjuangkan hak wanita melalui saluran perundangan Syariah. Pendekatan ini memastikan wanita mendapat sokongan holistik, merangkumi aspek undang-undang dan emosi, sekali gus memperkuatkan kedudukan mereka dalam keluarga dan masyarakat. Sumbangan kedua-dua pengamal profesional ini diyakini mampu memberi impak yang lebih efektif kepada pihak-pihak yang terlibat.

Lantas, kajian ini telah mengenali pasti hak-hak wanita dalam perkahwinan sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang Islam, di samping mengkaji cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Kajian ini juga menilai peranan penting peguam Syarie dan pengamal kaunseling keluarga dalam usaha memperkuatkan pelaksanaan hak wanita melalui pendekatan yang saling melengkapi. Pendekatan merentas disiplin yang menggabungkan elemen undang-undang syariah dan kaunseling keluarga telah dibuktikan berpotensi meningkatkan keberkesanannya dalam menyelesaikan konflik keluarga, seterusnya memperkasakan hak wanita dalam perkahwinan dan keluarga. Akhirnya, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembentukan institusi keluarga yang lebih stabil dan seimbang, di samping mempromosikan keadilan dan kesejahteraan wanita dalam perkahwinan dan keluarga di Malaysia.

Penghargaan

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyokong saya dalam penyelesaian kajian ini. Selain itu, tiada potensi konflik kepentingan yang dilaporkan oleh penulis dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. (2015). Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah. Universiti Islam Malaysia.
- Abdullah Abu Bakar. (1997). Al-Ahkam (Jil. 5). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, M. H., & Mohd Zin, N. (2009). Historical developments of financial rights after divorce in the Malaysian Islamic family law. *Asian Culture and History*, 1(2).
- Adil, M. A. M., & Ahmad, N. M. (2014). Islamic law and human rights in Malaysia. *Journal of Islam and Civilisational Renewal*, 5(1).
- Ahmad, M. H., Amin, M. H., & Muhammad Yosef, N. (2022). Masalah Keganasan Rumah Tangga Dan Penyelesaiannya Dalam Pandangan Maqasid syariah. *South East Asia Journal Of Contemporary Business, Economics And Law*, 26(1), 88-98.
- Ahmad, N., Ghazali, N., Othman, R., Ismail, N. S., & Mohd Yusoff, R. (2020). Rights of women during pre-marriage from Qur'anic perspectives with cross-reference to the law in Malaysia: An analysis. *International Journal of Law, Government and Communication*.
- Akhtar, R. J., & Manjoo, F. A. (2024). Matrimonial property rights in Islamic law. <https://doi.org/10.4337/9781802204681.00012>
- Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Akta Profesional Undang-Undang 1976 (Akta 166).
- Alias, N. A. B., Hashim, I. H. M., & Yahaya, M. H. (2022). Psychological well-being of working women in Malaysia: Married or single is better? *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Al-Qur'an, Surah Al-Baqarah, Ayat 233. Al-Qur'an, Surah Al-Imran, Ayat 195. Al-Qur'an, Surah al-Nisa', Ayat 4.
- Anis Shuhaida, M. S., Najah Inani, A. J., Nor Ashikin, M. N., & Syahmi, A. (2024). *Islamic family law on polygamous marriage in Malaysia: Between roses and thorns*. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 27, 25-49. <https://doi.org/10.32890/jps2024.27.2>
- Anwar, Z., & Rumminger, J. (2007). Justice and equality in Muslim family laws: Challenges, possibilities, and strategies for reform. *Washington and Lee Law Review*, 64, 1529.
- Arsad, M. I., & Hussin, M. N. M. (2020). Pelanggaran etika Peguam Syarie: Kajian di Negeri Selangor. *Journal of Shariah Law Research*, 5(1), 55-74.
- Aurangzaib Alamgir. (2014). Islam and women's rights: Discourses in Malaysia. In 4th World Conference on Psychology, Counseling and Guidance – WCPCG 2013, Procedia - Social and Behavioral Sciences, 114, 872–876.
- Awang, M. (2017). Seni Guaman Syarie (Z. Lukman & F. A. Abu Hassan, Eds.; 2nd ed.). Persatuan Peguam Syarie Malaysia.
- Baharudin, M. H., Mohd Yusoff, R., & Ahmad, N. (2023). *Rejecting domestic violence in Malaysia based on the Qur'an and Prophetic traditions*. *Journal of Asian Wisdom and Islamic Behavior*.
- Corey, M. S., & Corey, C. (2019). Issues and Ethics in the Helping Professions (10th ed.). Cengage Learning.
- Dahalan, H. M., Abdul Wahab, N., & Md Abdul Salam, N. Z. (2022). *Pemerkasaan urus tadbir Jawatankuasa Peguam Syarie dalam amalan pendaftaran firma guaman Syarie di Malaysia*. *Journal of Muwafaqat*, 5(2), 164-176.

- Elias, J. (2015). Realising women's human rights in Malaysia: The EMPOWER Women's Human Rights Report. *Asian Studies Review*, 39(2), 229-246.
- Enakmen Tatacara Mal Negeri Selangor. (2003).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor. (2003).
- Foley, R. (2004). Muslim women's challenges to Islamic law: *The case of Malaysia. International Feminist Journal of Politics*, 6, 53-84.
- Haidi, H. W., & Zulkifli. (2022). *Understanding the concept of justice in the Quran and its implementation in Islamic law. International Journal of Social and Education (INJOSEDU)*, 1(6), 1595-1607.
- Haneef, S. S. S., & Razak, M. A. A. (2017). Stabilizing Muslim marriages: *Some reflections on ethical dimension of family law reform. Journal of Islamic Law Studies*, 16, 33-49.
- Hasri, H., & Hasliza, M. A. (2021). Konsep Hifz An-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Shariah Dalam Menghadapi Pandemik Covid-19. International Conference On Syariah & Law, Online Conference, 6 April 2021.
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor). (2008).
- Lembaga Kaunselor Malaysia. (2011). Kod Etika Kaunselor. Penerbit Lembaga Kaunselor.
- Lembaga Pembangunan Penduduk Dan Keluarga Negara (LPPKN). (2019). Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Mahmod, Z., & Buang, A. (2021). *Professionalism of Syariah judges of Syariah courts according to the perspective of Islamic law. International Journal of Law, Government and Communication*.
- Malaysia Sustainable Development Goals. Voluntary National Review. (2017).
- Mohd Noor, N., Mahmud, Z., & Abd. Rahman, S. (2012). Proses kaunseling keluarga di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad, F. S., & Abdul Halim, N. Z. (2022). *Empowering women in matrimonial property: A case study in Selangor. International Journal of Law, Government and Communication*.
- Mulia, D. S., & Narwan, K. (2020). Ke Arah Mencapai Kesaksamaan Gender: Analisis Pemerkasaan Wanita Melalui Sektor Ekopelancongan Di Kadamaian, Kota Belud, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 73. <https://doi.org/10.51200/ejk.v26i.2463>
- Mustafa, R., & Nasohah, Z. (2022). Sorotan literatur kesedaran wanita bekerja tentang hak-hak selepas perceraian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Nadiyah, M. D. (2021). Keganasan Rumahtangga Di Malaysia: *Satu Analisis Literatur. Journal Of Shariah Law Research*, 6(2), 273-296.
- Nik Saleh, N. S. S., Wan Ismail, W. A. F., & Abdul, S. S. (2020). *Rebranding equality: Malaysia's progress on women's rights advocacy. International Journal of Islamic Thought*, 18, 1-20.
- Nor, S. M., & Rahman, A. (2021). *Psychoeducational approach in enhancing Muslim women's understanding of their rights under Islamic family law. Journal of Religion and Law*, 8(3), 78-92.
- Nur Zulfah, M. A. S., Yahya, N. F., Hassim, M. H., & Abd Rahman, S. H. (2020). *Amalan perwakilan Peguam Syarie di Malaysia. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi (E-JPI)*, 7(2), 65-76.
- Nurulbahiah Awang, Adnan Yusoff, Abdul Aziz Mat Isa, Salma Yusof, Shamsul Badli Mohd Yusof & Nassar Nordin. (2019). Kesedaran Wanita Tentang Hak Dan Tanggungjawab Dalam Keluarga Dan Kerjaya: Kajian Kes Di UNITEN Dan UPNM. In 5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019).

- Nursyamsudin. (2018). Pembahagian harta waris sebelum muwaris meninggal dunia menurut perspektif hukum waris Islam. Mahkamah: Jurnal Kajian Hukum Islam.
- Paslan, N. A., & Othman, M. (2021). *The effectiveness of counseling intervention towards adjustment post-divorce women*. International Journal of Education, Psychology and Counseling.
- Peletz, M. (2013). Malaysia's Syariah judiciary as global assemblage: Islamization, corporatization, and other transformations in context. Comparative Studies in Society and History, 55, 603-633.
- Saleh, N. S., Abdul Shukor, S., & Wan Ismail, W. (2021). *Equality and citizenship for women in Malaysia: Where and when?* Malaysian Journal of Syariah and Law.
- Suhaila Nik Saleh, N. (2021). From rights to women's rights: Malaysian experience. Global Journal Al-Thaqafah.
- Wahbah al-Zuhaili. (2003). Al-Tafsir Al-Munir fi Aqidah wa Al-Syariah wa Al-Manhaj. Dar Fikr.
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2017). Prinsip Ta'awun Dalam Praktis Keadilan Gender Menurut Islam. Kafaah Journal, 7(2), 124.
- Yusoff, S. S., Kassim, S., Jauhari, F. F., & Adnan, I. H. (2022). *Financial abuse in domestic violence: How can Islamic financial institutions play their role?* IIUM Law Journal.